

18 SEP 1999
Mahathir-PPP

MASALAH PARTI SEBAIKNYA DISELESAIKAN DALAM PARTI, KATA MAHATHIR

TUARAN, 18 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata perkara dalam parti politik sebaiknya diselesaikan di kalangan anggota parti sendiri dan bukannya mahkamah.

"Tetapi saya tidak mahu berkata apa-apa mengenai perkara ini kerana kita merasakan masalah parti sepatutnya diselesaikan oleh anggota-anggota parti sendiri. Mahkamah hanya membuat keputusan berdasarkan peraturan undang-undang," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diminta mengulas keputusan Mahkamah Tinggi Seremban hari ini yang menetapkan bahawa pengiktirafan Pendaftar Pertubuhan (ROS) bahawa Datuk M.Kayveas adalah presiden People's Progressive Party (PPP) terbatal dan tidak sah.

Hakim Datuk Mohamed Noor Abdullah dalam penghakimannya berkata pertukaran ibu pejabat PPP, penubuhan cawangan, logo, pertukaran nama parti dalam Bahasa Melayu (parti progresif penduduk Malaysia), dan pindaan perlembagaan adalah tidak sah.

Keputusan itu berdasarkan tuntutan plaintif, P.V.Das yang merupakan bekas setiausaha agung PPP, menuntut mahkamah mengisytiharkan antaranya pengiktirafan yang diberi ROS kepada Kayveas dan anggota jawatankuasa eksekutif pusatnya dibatalkan dan beliau (Das) sebagai presiden yang sah.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama pada Konvensyen Pemuda Barisan Nasional (BN) di sini, Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata keputusan mahkamah itu berdasarkan keseluruhannya pada undang-undang tetapi anggota parti akan membuat keputusan berdasarkan sama ada mereka mahukan seseorang itu atau tidak.

"Perlembagaan parti bukan sebenarnya satu dokumen undang-undang, ia (hanya) satu persefahaman di kalangan anggota," katanya.

Ditanya sama ada keputusan mahkamah itu memberi kesan terhadap peluang BN pada pilihan raya umum akan datang, Perdana Menteri berkata "tidak".

PPP merupakan satu daripada 14 parti komponen dalam gabungan BN.

Mengenai permintaan parti-parti dalam pembahagian kerusi, beliau berkata ia akan diputuskan kemudian.

"Sesiapapun mempunyai masalah sendiri. Anda tanya DAP dan apa yang dipanggil Barisan Alternatif...mereka mahu memperuntukkan kerusi paling teruk kepada Keadilan (Parti Keadilan Nasional) untuk memastikan mereka kalah," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai beberapa kes pendakwaan terhadap tokoh korporat sejak beberapa minggu ini, yang terbaru melibatkan pengerusi Repco Holdings Low Thiam Hock yang didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur hari ini kerana kesalahan cuba menipu pasaran saham mengikut Akta Perindustrian Sekuriti.

Merujuk kepada pendakwaan Low, beliau berkata: "Dia ini kawan siapa. Adakah dia kawan (Datuk Seri) Anwar Ibrahim? Saya amat tertarik sekali. Anwar tidak ada kroni tetapi setiap orang yang ditahan dan didakwa, tiba-tiba menjadi orang yang rapat dengan Datuk Seri Anwar."

"Jadi saya fikir Low tentunya begitu rapat dengan Anwar," kata Dr Mahathir menyangkal dakwaan bahawa kerajaan mengamalkan pendakwaan terpilih dan mereka yang telah didakwa setakat ini merupakan kawan-kawan Anwar.

Low, yang lebih dikenali dengan nama Repco Low, mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan berkaitan dengan pembelian saham-saham Repco Holdings Bhd, yang dia adalah pengerusinya, dengan tujuan untuk mewujudkan kekeliruan pada harga saham.

-- BERNAMA
JS RON